



LKPP CORPORATION SDN BHD

199769-V

POLISI SOSIAL

LKPP Corporation Sdn. Bhd. mengiktiraf bahawa keperluan pembangunan seharusnya memberi manfaat sosial kepada semua pihak selaras dengan prinsip dan kriteria yang ditetapkan oleh Persijilan Minyak Sawit Mampan (MSPO).

Sehubungan dengan itu pihak Syarikat adalah komited untuk mematuhi prinsip yang digariskan sepermata berikut :-

- ❖ Mengenalpasti melalui perbincangan sebarang faedah sosial yang perlu dan mengenalpasti bagaimana ianya dapat memberi kebaikan bersama kepada Syarikat dan masyarakat setempat.
- ❖ Memastikan sebarang perundingan berkenaan pampasan di atas kehilangan hak tanah pesaka pribumi diuruskan dengan sistem yang telah didokumentasikan yang membolehkan penduduk pribumi, masyarakat setempat dan semua pihak yang terlibat dengan Syarikat memberikan pendapat dan menyuarakan pandangan mereka melalui institusi atau perwakilan pilihan mereka.
- ❖ Membentuk dan melaksanakan satu polisi untuk mengelakkan gangguan seksual dan segala bentuk kekerasan terhadap wanita serta untuk melindungi hak reproduktif mereka.
- ❖ Pihak Syarikat harus menghormati hak semua warga kerja untuk menubuhkan dan menyertai kesatuan sekerja pilihan mereka serta untuk berunding secara kolektif.
- ❖ Pihak Syarikat tidak mengamalkan sistem buruh paksa atau mengeksplotasi buruh kanak-kanak.

Pematuhan arahan dalam polisi ini adalah tertakluk kepada semua anggota perkhidmatan LKPP Corporation Sdn. Bhd, Anak Syarikat dan semua pihak yang berkepentingan dalam syarikat serta pelawat yang memasuki ladang atau premis syarikat.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Haji Shahrumzaki Bin Hassan".

HAJI SHAHRUMZAKI BIN HASSAN
Pengurus Besar

01 Februari 2021

No. 2/2021